

APO-AMILZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide/ Amiloride Hydrochloride (50/5MG)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Amilzide
2. Bagaimana Apo-Amilzide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Amilzide
4. Cara menggunakan Apo-Amilzide
5. Semasa menggunakan Apo-Amilzide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Amilzide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Amilzide

Gabungan hydrochlorothiazide dan amiloride digunakan untuk merawat pembendungan cecair (edema) dan tekanan darah tinggi (hipertensi).

Bagaimana Apo-Amilzide berfungsi

Hydrochlorothiazide adalah diuretik thiazide (pil air) yang membantu menghalang penyerapan garam semula yang terlalu banyak oleh buah pinggang yang boleh menyebabkan pembendungan cecair.

Amiloride adalah *potassium sparing-diuretic* yang menghalang penyerapan garam semula yang terlalu banyak oleh buah pinggang dan mengekalkan tahap kalium anda supaya tidak jatuh ke tahap terlalu rendah.

Sebelum menggunakan Apo-Amilzide

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan ambil APO-AMILZIDE jika anda alergi kepada *hydrochlorothiazide*, *Amiloride* (hipersensitif) atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam pil.

Anda tidak patut menggunakan ubat ini jika anda mempunyai hiperkalemia (Tahap Kalium Darah Tinggi), mempunyai masalah fungsi buah pinggang, atau mempunyai penyakit kencing manis.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Amilzide jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Amilzide jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula mengambil*
Sebelum anda mula menggunakan ubat ini, anda harus memberitahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sesetengah ubat, jika diambil bersama Apo Amilzide akan menyebabkan komplikasi jika tiada langkah berjaga-jaga diambil. Ubat-ubatan ini termasuk ubat-ubatan hipertensi (*potentiation*, di mana kesan ubat hipertensi anda akan ditingkatkan), Litium (ketoksikan litium), serta *supplement* seperti makanan tambahan kalium.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Apo-Amilzide

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Doktor anda akan menyelaras dos anda berdasarkan kepada keadaan dan tindak balas anda terhadap ubat ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Apo-Amilzide

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Amilzide.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Amilzide dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening,

letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Amilzide boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang kurang serius mungkin termasuk:

- loya atau muntah-muntah ringan;
- gas, sakit perut; atau
- ruam kulit.

Walaupun jarang berlaku, kesan sampingan yang paling serius ubat ini adalah *symptomatic hyperkalemia* (tahap kalium yang tinggi dalam badan anda, dengan tanda atau gejala-gejala yang ketara).

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Apo-Amilzide

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan APO-AMILZIDE pada suhu bilik (bawah 25°C).

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Warna kuning kemerah-merahan, tablet berbentuk berlian, bergarisan (scored) dan dapat dikenal dengan perkataan "APO" diatas, dan perkataan "5/50" dibawah garisan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
50mg hydrochlorothiazide dan 5mg amiloride hydrochloride

- Bahan tidak aktif
Lactose monohydrate, sodium bicarbonate, microcrystalline cellulose, croscarmellose sodium, magnesium stearate, colloidal silicon dioxide dan sunset yellow lake 40%

- Nombor MAL

MAL 19984702AR

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

26/1/2015

Serial Number

BPFK(R4/1)130115/00010